


**BAHAGIAN A
(20 markah)****Soalan 1-16***Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.*

1. “_____ berikrar untuk melakukan apa sahaja yang terdaya bagi menjayakan majlis itu,” Kata Zamri kepada gurunya
 - A Aku
 - B Saya
 - C Awak
 - D Anda

2. “Sekiranya tidak ada apa-apa perubahan, _____ ikutlah jadual yang telah disiapkan tadi”, Kata Cikgu Rahman kepada murid-muridnya.
 - A kalian
 - B kamu
 - C anda
 - D kita


3. “Pak Seman menggunakan _____ kapak untuk menebang sebatang pokok rambutan yang berdekatan dengan rumahnya”. Kata Samad kepada adiknya.
 - A sebuah
 - B sebilah
 - C sebatang
 - D sekeping

4. Tun Haji Abdul Razak bin Husin ialah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Beliau berasal _____ negeri Pahang.
 - A dari
 - B pada
 - C kepada
 - D daripada

Soalan 5 berdasarkan Gambar 1**Gambar 1**

5. Kuda itu berlari dengan _____ untuk mengelakkan diri daripada ditanduk oleh kerbau.


- A perlahan
- B pantas
- C cepat
- D laju

Soalan 6 berdasarkan Gambar 2**Gambar 2**

6. Sazali, Kamal dan Yahya berlatih menyanyi sambil _____ alat muzik untuk menyertai Pertandingan Bintang Kecil di sekolahnya.

- A bermain
- B memetik
- C permainan
- D memainkan

Soalan 7 berdasarkan Gambar 3




Gambar 3

7. Pemandu lori itu memecut lorinya dengan laju untuk _____ bas yang ada di hadapannya.
 - A menyelit
 - B menyusup
 - C memotong
 - D melanggar


8. Murid-murid dinasihatkan belajar bersungguh-sungguh _____ berjaya dalam pelajaran.
 - A oleh
 - B hingga
 - C sambil
 - D supaya

9. Cikgu Nazri mengambil masa selama _____ hari untuk menanda kertas ujian penulisan itu.
 - A setiap
 - B beberapa
 - C sebilangan
 - D sebahagian

10. Cincin berlian yang dipamerkan di kedai emas itu _____ tinggi nilainya.
 - A amat
 - B benar
 - C nian
 - D agak

Soalan 11 berdasarkan Gambar 4**Gambar 4**

11. Ramli terpaksa berakit di _____ jambatan Sungai Jelai untuk pergi ke kebunnya.
- A bawah
 - B tengah
 - C atas
 - D tepi

Soalan 12 berdasarkan Gambar 5**Gambar 5**

- 12 Ibu menyediakan _____ sempena Hari Raya Aidilfitri.
- A lauk-pauk
 - B kuih-muih
 - C sayur-mayur
 - D buah-buahan

13. Rosdah membeli sebuah kereta _____ di Kuala Lumpur dengan harga RM15,000.

- A terlaris
- B terbaru
- C terpakai
- D terbuang

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

14. Fatimah mempelawa Salmi datang ke rumahnya pada hari Sabtu.

- A "Pelawalah Salmi datang ke rumah saya pada hari Sabtu," Kata Fatimah.
- B "Datangkan ke rumah saya pada hari Sabtu," Kata Fatimah kepada Salmi.
- C "Datangkan ke rumah Salmi pada hari Sabtu ini," Kata Fatimah.
- D "Salmi, awak datangkan ke rumah saya nanti," Kata Fatimah.

15. Tingkap itu bersih kerana baru dicuci oleh Ramlah.

- A Ramlah baru sahaja mencuci tingkap yang bersih itu.
- B Ramlah mencuci tingkap yang baru itu hingga bersih.
- C Tingkap yang bersih itu baru dicuci oleh Ramlah.
- D Ramlah yang mencuci tingkap itu hingga bersih.

Pilih ayat yang betul.

16. I Perdana Menteri akan melawat ke Kuala Lipis. Beliau dijangka tiba pada pukul 10.00 pagi.

II Ahmad murid yang pintar. Namun demikian, beliau tetap belajar bersungguh-sungguh.

III Puan Zahalina mengajar di SK Lubok Kulit. Beliau telah berkhidmat di sana selama dua tahun.

IV Pengemis itu menyelongkar tong sampah kerana beliau kelaparan.

- | | |
|-------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan III | D III dan IV |

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan –soalan yang berikutnya.

Telur Omega 3 mengandungi khasiat lima kali ganda berbanding telur biasa. Ia juga mempunyai jumlah kolestrol yang rendah berbanding telur biasa.

Telur ini mengandungi asid lemak omega 3 , vitamin E, vitamin A dan vitamin D. Vitamin ini secara tidak langsung dapat mengurangkan risiko penyakit jantung, tekanan darah tinggi, strok, dan penyakit barah.

Harga telur Omega 3 lebih mahal berbanding telur biasa. Saiznya agak besar.Telur Omega ini juga boleh membantu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan otak, sistem saraf dan tisu-tisu mata (retina).

Bak kata pepatah alah membeli menang memakai. Walaupun harganya lebih mahal sedikit tetapi ia amat baik untuk kesihatan kita sekeluarga. Pada masa kini, orang ramai sudah mula mementingkan pemakanan sihat dan seimbang.

Kerajaan telah menggalakkan rakyat agar sentiasa menjaga pemakanan untuk menjamin kesihatan yang lebih baik.

17 Apakah kelebihan telur Omega 3?

- A kerana saiznya
- B kerana harganya mahal
- C kerana kuantitinya banyak
- D kerana ia mempunyai banyak khasiat

18 Vitamin-vitamin ini terkandung dalam telur Omega 3, kecuali

- A vitamin A dan E
- B vitamin D dan E
- C vitamin A dan C
- D vitamin A dan D

- 19 Apakah akibat jika kandungan kolesterol yang tinggi dalam makanan kepada tubuh badan kita ?
- A tulang kita mudah reput
 - B badan kita menjadi lemah
 - C sering mengalami sakit kepala
 - D mudah mendapat pelbagai penyakit
- 20 Berikut ialah makanan yang boleh menyebabkan badan kita mudah dihinggapi penyakit kecuali
- A ais krim
 - B sayur-sayuran
 - C makanan ringan
 - D daging berlemak

BAHAGIAN B

(30 markah)

Soalan 21

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

seperti	ketika	dari	bagi
daripada	kepada	antara	kerana

Ketupat adalah _____ makanan istimewa bagi masyarakat Melayu.

Biasanya, makanan ini menjadi salah satu hidangan utama _____ sambutan hari raya. Untuk membuat kelongsong ketupat, daun kelapa yang muda diperlukan _____ memudahkan proses anyaman. Mula-mula, daun kelapa perlu dipisahkan _____ lidinya. Selepas itu, daun ini dianyam untuk dibuat kelongsong ketupat. Terdapat beberapa jenis ketupat, iaitu ketupat jantung, ketupat bawang, ketupat pasar, ketupat kerbau dan sebagainya.

(4 markah)

Soalan 22

- a. Tulis ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

Jawapan: Salmah yang bercakap dengan saya tadi.

(2 markah)


- b. Tuliskan jawapan bagi soalan yang diberi.

Soalan : Di manakah letaknya sekolah kamu ?

Jawapan

(2 markah)

- c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Tuliskan simpulan bahasa yang sesuai bagi gambar di atas.

(2 markah)

Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Pada minggu lepas, Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai telah mengadakan temasya sukan tahunan secara besar-besaran. Temasya sukan tahunan ini sungguh meriah kerana dihadiri oleh para jemputan khas yang terdiri daripada Pengarah Pelajaran Negeri Johor dan Pegawai Pelajaran Daerah.

Acara bermula tepat pada pukul dua petang. Tuan Pengarah Pelajaran Negeri Johor telah menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan temasya sukan tahunan sekolah saya.

Beberapa acara padang seperti lontar peluru, lompat jauh, dan lompat tinggi telah diadakan sebelum hari sukan. Manakala acara balapan seperti 100 meter, 200 meter, 4 X 100 meter, dan 4 X 200 meter telah diadakan pada hari sukan.

Pasukan beruniform seperti pasukan Pengakap dan Persatuan Bulan Sabit Merah telah menjalankan tugas dengan baik. Mereka membantu menyediakan peralatan sukan dan memberikan pertolongan cemas kepada peserta yang mendapat kecederaan.

Temasya sukan tahunan pada kali ini berjalan dengan lancar. Olahragawan pada tahun ini disandang oleh Hakim bin Bakar daripada rumah Gunung Ledang, manakala olahragawati pula disandang oleh Mashitah Mohamad daripada rumah Gunung Benom. Rumah Gunung Tahan diumumkan sebagai juara keseluruhan sukan tahun ini.

Acara penutupan **disempurnakan** oleh Pegawai Pelajaran Daerah. Beliau menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Acara tamat pada 6.35 petang. Semua murid gembira dan berpuas hati.

- a. Temasya sukan Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai telah dirasmikan oleh _____

(1 markah)

- b. Apakah tugas pasukan Pengakap dan Persatuan Bulan Sabit Merah ?

(2 markah)

C Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan.

Acara padang seperti lontar peluru,lompat jauh,
dan lompat tinggi telah diadakan pada hari sukan

Olahragawan pada tahun ini ialah Hakim bin Bakar

Salah

Johan keseluruhan temasya sukan ialah Rumah
Gunung Benom

betul

Pegawai Pelajaran Daerah telah menyampaikan
hadiyah kepada para pemenang

(2 markah)

Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Selamat sejahtera guru-guru dan murid-murid yang saya kasihi. Baru-baru ini, setiap kelas telah memilih ketua kelas masing-masing dengan cara pengundian. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada ketua kelas yang telah dilantik.

Ketua kelas yang terpilih ini merupakan murid yang mempunyai kriteria kepimpinan dan berwibawa. Saya pasti mereka akan dapat melaksanakan tanggungjawab yang diberi dengan cekap, amanah dan tegas.

Sekiranya terdapat sebarang masalah di dalam kelas, ketua kelas haruslah *mengadukan* hal tersebut kepada guru kelas atau guru disiplin. Oleh itu, ketua kelas mestilah berani dan tegas.

Saya berharap agar ketua kelas memastikan setiap peraturan dipatuhi oleh murid-murid. Peraturan di sekolah tidak dapat dilaksanakan sekiranya tidak mendapat kerjasama semua murid. Oleh itu, setiap murid mesti menanamkan semangat untuk bekerjasama dengan ketua kelas.

Akhir kata, saya amat berharap agar semua murid menghormati ketua kelas seperti mana kamu menghormati pengawas sekolah ini.

Sekian, terima kasih.

- a. Perkataan *mengadukan* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan

(1 markah)

- b. Apakah yang diharapkan oleh guru besar kepada ketua kelas yang dilantik?

(2 markah)

- c. Bagaimanakah cara ketua kelas membantu pihak sekolah mendisiplinkan murid-murid?

(2 markah)

- d. Adakah kamu bersetuju, dengan peraturan larangan berbasikal di dalam kawasan sekolah? Mengapa?

(3 markah)

Solan 25

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Alam ini anugerah Ilahi,
Jagalah ia sepenuh hati,
Jangan dimusnah, jangan dicemari,
Jika binasa sukar diganti.

Hutan ditebang sesuka hati,
Tadahan hujan musnahlah kini,
Mengapa dibiarkan terus begini,
Sekatlah cepat terlambat nanti.

Jika hijau pandangan kita,
Udara segar pasti terasa,
Nyaman hidupmu setiap masa,
Penyakit tidak akan melanda.

Bukan sukar untuk menjaga,
Sikap yang sering menjadi punca,
Tegur-menegur setiap masa,
Moga kalian akan terima.

- a. Apakah maksud rangkap pertama dalam syair di atas?

(2 markah)

- b. Apakah kesan jika hutan ditebang sesuka hati?

(1 markah)

- c. Tandakan () bagi pernyataan yang betul dan () bagi pernyataan yang salah berdasarkan syair tersebut.

Tumbuh-tumbuhan hijau memberi udara yang segar dan nyaman.	
Kawasan tadahan hujan perlu dimusnahkan dengan segera.	

(1 markah)

- d.
- Jika hijau pandangan kita,
Udara segar pasti terasa,
Nyaman hidupmu setiap masa,
Penyakit tidak akan melanda.

Terangkan maksud baris-baris syair di atas.

(3 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT